

PENGARUH ISLAM DALAM UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN KEDAH

IZZIAH SURYANI MAT RESAD @ ARSHAD

Universiti Kebangsaan Malaysia

izziah@ukm.edu.my

HANIF MD LATEH @ JUNID

Universiti Sultan Zainal Abidin

hanifjunid@unisza.edu.my

HAMIZAH MOHD KADIRON

Universiti Kebangsaan Malaysia

izziahsuryani@gmail.com

ABSTRAK

Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah digubal menjelang pertengahan abad ke-20M, setelah sekian lama British menjajah Tanah Melayu. Undang-undang ini digubal agak lama selepas penggubalan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan menilai teks Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah dan pengaruh Islam ke atas undang-undang tersebut. Kepentingan kajian adalah untuk meneliti sejauh manakah unsur Islam diterapkan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah walaupun ia digubal semasa era penjajahan British di Tanah Melayu. Metode yang digunakan adalah analisis kandungan, melalui pendekatan komparatif. Kajian mendapati bahawa kandungan Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah menerima pengaruh Islam yang kuat walaupun bentuk persembahan dan susunan adalah menurut gaya British atau Barat.

Kata kunci: Undang-tubuh Tubuh Kerajaan Kedah; sejarah Kedah; perundangan Islam di alam Melayu; sistem politik Islam; perlombagaan negeri

INFLUENCE OF ISLAMIC SOURCES IN THE LAW OF THE CONSTITUTION OF KEDAH

ABSTRACT

The law of the constitution of Kedah was drafted by the middle 20th century. This constitution was enacted quite long after the law of the constitution of Johore 1312(1895) being enacted. This research aims to analyse and review the text of the law of the constitution of Kedah and Islamic influence on the law. The significance of this study lies in the examination of how far Islamic elements is adopted in the law of the constitution of Kedah despite its being enacted during the British occupation of Malaya. Research method used in this study is content analysis, through comparative approach. The study finds that the contents of the law of the constitution of Kedah is strongly influenced by Islam and organization follows British or western style.

Keywords: The Law of The Constitution of Kedah; history of Kedah; Islamic law in Malay region; Islamic political system; state constitution

PENGENALAN

Perlembagaan negeri Kedah yang dinamakan Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah (UTKK) mula diperkenalkan secara berperingkat, iaitu bahagian pertama yang diperkenalkan pada 21 Rabiulawal 1367H bersamaan 1 Februari 1948M. Tambahan pada naskah pertama disebut bahagian kedua diperkenalkan pada 19 Julai 1950. Kemudian, nama Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah yang mempunyai bahagian pertama dan kedua dimansuhkan dan ditukar kepada Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah serta dimasyhurkan di Istana Alor Star pada 19 Ramadan 1378H bersamaan 28 Mac 1959M dibawah pemerintahan Sultan Badlishah Ibn al-Marhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Kandungan Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah dibahagikan pada 78 perkara, perkara 1 hingga 4 berada di bahagian 1, dan perkara 5 hingga 7 dalam bahagian 2. Seterusnya disambung dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah perkara 8 hingga 33b, bahagian 3 pula merangkumi perkara 34 sehingga 78 naskah UTKK. Kandungannya adalah berkenaan raja yang merangkumi hal ehwal pelantikan, pemangku, pengurusan kerajaan, agama negeri, pelantikan menteri besar, pelantikan pegawai kerajaan, majlis undang negeri dan lain-lain hal.¹

PENGARUH ISLAM

Perbincangan pengaruh Islam dalam kertas kerja ini merujuk secara langsung kepada kandungan teks Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah. Penelitian dilakukan ke atas teks untuk melihat sejauhmana kandungannya dipengaruhi oleh pemikiran politik Islam. Walaupun undang-undang ini digubal selepas penjajahan British ke atas Tanah Melayu khususnya negeri Kedah, namun kandungannya masih sarat dengan pengaruh Islam. Justeru, teks ini membuktikan pemimpin Melayu masih mengutamakan ajaran Islam dalam merangka undang-undang mereka khususnya Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah walaupun mereka sebenarnya sudah dihimpit oleh dasar penjajahan British.

Penggunaan Doksologi

Mukaddimah Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah telah menggunakan doksologi. Permulaannya telah dimulakan dengan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى الْأَئِمَّةِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ² iaitu kata puji dan mengagungkan Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Daripada mukadimah ini menunjukkan bahawa Ketua Kerajaan Negeri Kedah dan Pembuat Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah adalah seorang Sultan yang beragama Islam. Penggunaan doksologi adalah salah satu ciri penulisan manuskrip, sama ada di Barat atau Timur. Kata-kata puji yang signifikan dengan penulis-penulis manuskrip beragama Islam lazimnya merujuk kepada kata-kata puji kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW. Antara tujuan dan objektif penulis mengemukakan doksologi sebegitu adalah bertujuan untuk menyatakan bahawa penulis adalah beragama Islam, isi kandungan penulisan tersebut berunsurkan Islam dan bertujuan untuk menuntut serta memohon keredaan dari Allah SWT.³

Penggunaan doksologi dapat dilihat juga dalam hasil penulisan para ilmuwan silam, sama ada yang berbahasa Melayu atau Arab. Jika tidak menggunakan doksologi berbentuk kata-kata puji yang panjang, sekurang-kurangnya penulis akan memulakan penulisan dan bicara beliau

menggunakan Bismillah al-Rahman al-Rahim. Sebagai contoh kitab *Taj al-Salatin*. Contoh doksologi yang digunakan dalam kitab ini ialah:

*Bi ism Allah al-Rahman al-Rahim al-Taj al-Salatin artinya mahkota segala raja-raja. Alhamd li Allah al-ladhi la Sharik lah fi mulkih wa la hukm al-hukmih lah al-Mulk wa lah al-hukm wa huwa bi ahkam al-hakimin.*⁴

Selain dari itu, penggunaan doksologi boleh dilihat dalam penulisan kitab oleh pengarang berbangsa Arab. Sebagai contoh, doksologi ringkas yang digunakan oleh Imam al-Mawardi dalam kitab karangan beliau *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, ia berbunyi:

بسم الله الرحمن الرحيم وبعد الحمد لله الذي أوضح لنا معلم الدين، ومن علينا بالكتاب المبين، وشرع لنا من الأحكام، وفصل لنا من الحلال والحرام⁵

Manakala bagi penutup Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah juga telah menggunakan kata puji kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Pada bahagian penutup Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah telah tertulis seperti berikut: Barang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala Malikul Malik dan mudah-mudahan dianugerah berkat oleh Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam akan undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah ini selama-lamanya. Amin Ya Rabbal' Alamin.⁶

Penutup Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah

Penutup Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah ini memperuntukkan pada menyaksikan yang telah diberi dan ditetapkan Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah ini dan yang telah dipersetujukan dan direkodkan tiga oleh Majlis Mesyuarat Negeri inilah kita sekalian turunkan tandatangan masing-masing di bawah ini. Kandungan mukaddimah dan penutup dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah, adalah seiras dengan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor.⁷ Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah pada bahagian penutup telah ditulis:

Barang dikurniakan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala Malik al-Malik dan mudah-mudahan dianugerah berkat oleh Nabi Muhammad Sallallahu 'Alayhi Wasallam akan undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah ini selama-lamanya. Amin Ya Rab al-'Alamin.⁸

Dalam bahagian penutup ini tercatat unsur-unsur yang berkaitan dengan sifat seorang hamba pada Allah SWT, seperti dalam perenggan pertama yang menunjukkan rasa kebergantungan pada Allah SWT dan rasa pengharapan serta memohon keberkatan. Selain itu juga, turut disertakan tahun hijriah yang merujuk kembali kepada permulaan penggunaan tahun hijrah tersebut. Penggunaan tahun hijrah secara jelas merupakan hasil ilham dari Saydina Umar al-Khattab Islam yang mengambil kira tarikh berlaku penghijrahan Nabi SAW ke Madinah.⁹

Gelaran al- Mu'tasim Billah

Dalam teks Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah, Raja negeri Kedah telah menggunakan gelaran Al-Mu'tasim Billah. Pada mukaddimahnya tertulis: "Dengan nikmat Allah kami Al Mu'tasim Bi Allah Tunku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah."¹⁰

Gelaran al-Mu'tasim Billah adalah gelaran khalifah kelapan yang memerintah Kerajaan Abbasiyah iaitu khalifah al- Mu'tasim. Al-Mu'tasim memerintah kerajaan Abbasiyah selama 9 tahun (833-842M).¹¹

Penggunaan Takwim Hijrah

Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah turut menggunakan takwim Hijrah, iaitu takwim yang diilhamkan oleh Khalifah Umar al-Khattab.¹² Dalam teks undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah, takwim hijrah digunakan dalam menyatakan sesuatu tarikh. UTKK menyebut:

Diperbuat di Istana Alor Star pada 19 Ramadan, Hijratul Nabi Sallal’ahu ‘Alaihi Wasalam, seribu tiga ratus tujuh puluh lapan bersamaan dengan hitungan Masihi 28 Mac seribu Sembilan ratus lima puluh Sembilan iaitu tahun yang pertama kami di atas takhta kerajaan.¹³

Kriteria Pemilihan Sultan/Waris Raja

Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah, fasal 11(2) menyentuh pemilihan Raja hendaklah tertakluk kepada hukum syarak iaitu syarat memilih bakal Raja. Fasal ini menyatakan bahawa syarat lantikan ialah tidak mempunyai sifat keji yang bertentangan dengan hukum syarak. Selain turut menyatakan syarat-syarat sampingan dan mestilah melepas syarat-syarat sebagaimana ditetapkan dalam hukum syariah.¹⁴

Mengikut perkara 17 Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah bahawa syarat-syarat untuk menjadi raja “hendaklah daripada bangsa Melayu, berdarah raja keturunan pemerintah-pemerintah kerajaan negeri Kedah dan seorang lelaki yang beragama Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah.”¹⁵ Selain itu, turut ditambah dengan syarat tidak bersifat keji dan tidak mempunyai kecacatan jasmani.

Syarat ini ternyata mempunyai persamaan dengan syarat-syarat yang digunakan dalam Islam. Sebagai contoh, syarat seorang ketua negara beragama Islam telah dimulakan semenjak zaman Nabi Muhammad SAW. Jawatan tersebut secara mutlak tidak boleh diberikan kepada orang kafir dan hukum mentaati orang kafir itu tidak wajib.¹⁶

Begitu juga syarat pelantikan waris yang dinyatakan dalam fasal 11. Waris yang akan dipilih melalui mesyuarat majlis mengangkat raja mesti memastikan sifat bakal raja. Ianya mesti melepas syarat tidak mempunyai kecacatan besar seperti kelemahan badan, buta, bisu. Selain itu dipersyaratkan juga supaya tidak mempunyai sifat keji yang tidak dibenarkan dalam hukum syarak.¹⁷

Sistem pewarisan ini bukanlah sistem yang bertepatan dengan kaedah yang disampaikan Nabi Muhammad SAW, jika disoroti kembali sebelum kewafatan Nabi SAW, baginda tidak menamakan sesiapa sebagai pewaris takhta kerajaan Madinah, begitu juga semasa era Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali.¹⁸ Namun begitu sistem ini mula diperaktikkan pada zaman Bani Umayyah apabila Mu‘awiyah melantik anaknya Yazid bin Mu‘awiyah sebagai penggantinya sebagai khalifah.¹⁹

Syarat dan Kriteria Pemilihan Raja Sekiranya Tiada Keturunan yang dipertetapkan

Dalam Fasal 12 (1) Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah juga menggariskan bahawa sekiranya tiada keturunan waris raja yang boleh dilantik untuk menggantikan raja, maka lantikan baru boleh dibuat dengan beberapa syarat. Syarat beragama Islam adalah antara syarat yang diutamakan.²⁰ Syarat yang diungkap dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah adalah seorang laki-laki yang cukup umur, sempurna akal, daripada bangsa Melayu Kedah dan rakyat

negeri Kedah dan beragama Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah, daripada darah yang baik tetapi dikehendaki daripada darah raja dan diakui sah dan halal peranakannya dengan ada pula pengetahuannya boleh membaca dan menulis bahasanya dan ada mempunyai nama dan budi pekerti, tabiat, perangai, tingkah laku yang baik dan kepujian.²¹ Syarat yang dinyatakan sebelum ini bersesuaian dengan syarat yang dikemukakan dalam Islam, iaitu:

- a) Seorang laki-laki. Ijmak ulama' berpendapat bahawa jawatan khalifah hanya sah dipegang oleh lelaki, kerana jawatan ini dari segi tugasnya tidak sesuai dengan kaum wanita. Adalah haram melantik wanita untuk menjadi pemimpin negara.²²
- b) Cukup umur. Seseorang yang hendak dilantik untuk menjadi ketua negara adalah seorang mukallaf. Tidak sah pelantikan seorang kanak-kanak, kerana ia masih di bawah jagaan walinya.²³
- c) Beragama Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah. Seseorang yang dilantik menjadi ketua negara itu hendaklah seorang yang beragama Islam dan berpegang pada Ahli Sunnah wal Jamaah. Hal ini kerana tugas utama ketua negara ialah untuk melaksanakan syariat. Tugas ini hanya dapat dilakukan oleh ketua negara Muslim. Oleh itu, tidak harus melantik orang bukan Islam sebagai pemerintah berdasarkan firman Allah:

لَا يَتَّخِذُ الْمُؤْمِنُونَ كُفَّارَيْنَ أَوْلَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَلِئِسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ إِلَّا
أَنْ تَتَّقُوا مِنْهُمْ تُقَاتَةً وَيَحْذِرُكُمُ اللَّهُ نَفْسُهُ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصْبِرُ²⁴

Maksudnya:

Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang yang beriman. Dan sesiapa yang melakukan (larangan) yang demikian, maka tiadalah dia (mendapat perlindungan) dari Allah dalam sesuatu apa pun. Kecuali kamu hendak menjaga diri daripada suatu bahaya yang ditakuti dari pihak mereka (golongan kafir itu). Dan Allah memerintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diri-Nya (menyeksa kamu) dan kepada Allah jualah tempat kembali.²⁵

Dalam ayat di atas jelas menunjukkan Allah melarang orang-orang Mukmin melantik orang-orang kafir sebagai pemimpin mereka. Pemimpin disini ialah dalam konteks ketua negara, manakala dalam hal-hal lain seperti kementerian, jabatan atau sebagainya tidaklah menjadi halangan. Manakala negara yang majoriti penduduknya bukan Islam, orang Islam boleh bersekutu melantik pemimpin yang boleh mempertahankan kepentingan umat Islam walaupun tidak beragama Islam.

d) Kesempurnaan pancaindera dan anggota badan. Seseorang itu mestilah sempurna pancaindera dan sihat anggota badannya, tiada sebarang kecacatan yang boleh menghalang tugasnya sebagai ketua negara iaitu kecacatan seperti buta, pekak, tuli, hilang dua tangan, dua kaki atau kemaluan.²⁶

Al-Syawki telah berkata: yang dimaksudkan dengan kepimpinan am ialah mentadbir urusan manusia secara umum dan khusus, melaksanakan perintah dengan sebaiknya dan meletakkannya di tempat yang sesuai. Perkara ini tidak dapat dilakukan oleh mereka yang mengalami kecacatan pada pancainderanya kerana ia boleh membawa kepada kekurangan dalam pentadbiran, sama ada secara mutlak atau pada pancaindera tersebut. Adapun kesempurnaan tangan dan kaki tidaklah menjadi syarat kepada seseorang pemimpin. Mereka yang tempang dan tidak bertangan, tiada kekurangan dari segi pentadbirannya dan dia dapat melaksanakan tanggungjawab bersama mereka yang sempurna, kerana telah sedia maklum bahawa

seseorang pemimpin itu tidak diminta berlumba lari, memukul dengan kayu pemukul mahupun membawa sesuatu yang berat.²⁷

e) Daripada keturunan yang baik dan halal peranakannya. Oleh kerana dalam adat raja-raja Melayu pemeliharaan salasilah amat dipentingkan. Pemilihan Putera Raja sebagai pemerintah dapat menjamin kesucian nasab pemerintah terpelihara dari sebarang unsur-unsur pencemaran.²⁸

f) Mempunyai pengetahuan dan berilmu. Ketua negara Islam mestilah seorang yang berilmu, bijak dan mahir mentadbir negaranya.²⁹ Ilmu-ilmu keduniaan yang perlu dikuasai oleh pemerintah Islam pula termasuklah isu-isu semasa, pengetahuan berkenaan perdagangan, undang-undang antarabangsa, hubungan diplomatik, sejarah dan lain-lain lagi.³⁰

Ibn Khaldun juga menekankan kepentingan syarat di atas dengan mengatakan bahawa tidak cukup seseorang pemerintah itu hanya memiliki ilmu bahkan hendaklah ia seorang mujtahid dan bukan ahli taklid. Ini kerana pemerintah perlulah seorang yang sempurna pada sifat-sifat dan keadaan yang sanggup membuat keputusan dengan bebas berdasarkan ilmu yang ada.³¹

Islam sebagai Agama Negeri Kedah

Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa agama Islam adalah agama Persekutuan. Begitu juga dalam Perlembagaan negeri Kedah tahun 1948 (Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah) telah dinyatakan dalam fasal agama Islam Perkara 33 A maka agama negeri ini ialah agama Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti yang dipegang dan diamalkan di dalam negeri ini sehingga sekarang ini.³² Ini menunjukkan agama bagi Negeri Kedah adalah agama Islam sebagaimana yang sudah memang diikut dan diamalkan dengan aman dan sempurna oleh penganut-penganut mereka yang mengikuti di mana-mana juga dalam negeri Kedah. konsep kebebasan beragama yang berpadanan sebagaimana Fasal 25, Piagam Madinah. Berikut catatan Ibn Hisham berkenaan kebebasan beragama:

وَإِنْ يَهُودُ بْنِي عَوْفٍ مَعَ الْمُؤْمِنِينَ ، لِلْيَهُودِ دِينُهُمْ ، وَلِلْمُسْلِمِينَ دِينُهُمْ ، مَوَالِيهِمْ وَأَنفُسُهُمْ ،
إِلَّا مَنْ ظَلَمَ أَثْمَمَ ، فَإِنَّهُ لَا يُؤْتَغُ إِلَّا نَفْسَهُ ، وَأَهْلَ بَيْتِهِ .³³

Piagam yang berlaku antara Rasulullah, Ansar, Muhammadiyah dengan Yahudi di Madinah dalam fasal ke 25 menyebutkan bahawa kaum Yahudi dari Bani 'Awf adalah satu umat bersama orang mukmin, bagi (bebas mengamalkan) Yahudi agama mereka sendiri, bagi (bebas mengamalkan) orang Islam agama mereka sendiri, sekutu mereka dan diri mereka sendiri, melainkan sesiapa yang berlaku zalim dan membuat dosa, maka ia akan menimpa atau membina sakan dirinya sendiri dan ahli keluarganya. Tetapi Islam tidak disebutkan sebagai agama untuk Madinah, bagaimanapun Piagam Madinah tersebut merupakan perlembagaan yang digubal menurut agama Islam sekaligus melihatkan bahawa setiap agama lain menerima dan mengakui kewujudan Islam di Madinah dan berada di bawah perlembagaan Islam.

Raja sebagai Ketua Agama Islam Negeri

Dalam Perkara 33b Fasal 1 Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah memperuntukkan bahawa kepala agama Islam adalah Yang Maha Mulia dan baginda akan memerintah supaya diadakan undang-undang untuk mengatur perkara-perkara agama dan menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu. Fungsi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu sebagai penolong dan

penasihat Yang Maha Mulia berkenaan perkara-perkara yang bersabit dengan agama Islam dan Adat Melayu.³⁴

Perkara ini diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan yang menyebut bahawa kedudukan Raja sebagai ketua agama Islam di dalam negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh perlembagaan negeri itu, segala hak, keistimewaan, hak kedaulatan dan kuasa yang dinikmat olehnya sebagai ketua agama Islam tidak tersentuh dan tercacat kecuali dalam apa-apa perbuatan dan amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai ketua agama Islam membenarkan Yang dipertuan Agong mewakilinya.

Pemimpin mempunyai kedudukan yang tinggi dalam Islam. Penganugerahan yang diberikan oleh syarak ini kepada mereka bersesuaian dengan keadaan dan kedudukan serta tanggungjawab mereka yang begitu besar. Kedudukan mereka sama seperti kedudukan imam. Syarak menjadikan mereka sebagai pengganti Nabi s.a.w untuk menjaga agama dan membangunkan dunia ini.³⁵

Keunikan institusi Raja-Raja Melayu ialah dalam peranannya seperti berikut:³⁶

1. Raja sebagai tonggak bangsa Melayu dapat menaungi serta memenuhi kehendak fitrah bangsanya yang memerlukan pada identiti, jati diri dan budaya tersendiri yang unik dengan coraknya masing-masing.
2. Raja sebagai tonggak dan ketua agama Islam atas kerajaan baginda dapat membataskan berbagai mazhab dan aliran pemikiran supaya sentiasa terbendung dalam pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
3. Raja sebagai bapa dapat menyatu padukan rakyat dari berbagai aliran kefahaman politik serta membataskan pergerakan siasah mereka supaya sentiasa terbendung dalam lingkungan yang dibenarkan oleh syariat dengan bimbingan mufti negara.
4. Raja sebagai bapa dapat bersikap berkecuali dalam menangani masalah yang datang dari mana-mana pihak ataupun gerakan serta mengawalnya dari sebarang tindak-tanduk yang boleh mengugat kepentingan bangsa Melayu dan agama Islam.
5. Raja sebagai ketua pemerintah dapat bersikap tegas, tulus dan telus dalam pemerintahannya kerana tidak perlu mencari kepentingan peribadi atau politik sukunya.
6. Raja sebagai penaung kepada kaum-kaum lain dari berbagai agama dapat menjaga kepentingan mereka tanpa perlu membuat sebarang jual beli politik yang boleh menggugat kepentingan bangsa Melayu dan agama Islam.
7. Raja sebagai ketua pemerintah dapat duduk semeja dengan ketua-ketua negara yang lain tanpa perlu membuat pengagihan jual beli politik untuk kepentingan peribadi, politik atau gerakan sukunya.³⁷

Jika ditimbal kembali pandangan ulama mengenai syarat menjadi ketua negara, ianya pelbagai. Teori awal oleh Imam al-Mawardi telah mengemukakan 7 syarat untuk menjadi ketua negara iaitu:

1. Keadilan.
2. Alim dan boleh berijtihad dalam hukum-hakam Islam.
3. Sempurna panca indera.
4. Tidak cacat anggota.
5. Memiliki keberanian dan kekuatan.
6. Berketurunan mulia, iaitu Quraisy.

Imam al-Mawardi telah membuat kupasan yang meluas bagi beberapa syarat yang telah ditetapkan seperti yang dikemukakan.³⁸

Badan Pelantikan Sultan/Raja

Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah, fasal 10 (d) di dalam bab Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja memperuntukkan seorang daripada lima orang lelaki yang mengangkat Raja adalah Yang Di Pertua Majlis Agama Islam negeri Kedah. Majlis mesyuarat mengangkat Raja Negeri Kedah yang dinamakan di dalam bahasa Inggeris “*The Council of Succession of Kedah*”³⁹ adalah bertanggungjawab dalam pelantikan Sultan. Tiada seorang akan dinaikkan takhta Kerajaan Negeri Kedah melainkan pengangkatannya itu telah dilakukan dan dipertetap oleh Majlis Mesyuarat mengangkat Raja.⁴⁰

Maka Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja itu hendaklah mengandungi Menteri Besar yang menjadi Yang Dipertua Majlis itu, lain-lain ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, empat orang lelaki ahli kerabat Diraja Negeri Kedah yang diangkatkan oleh Raja Pemerintah menurut timbang tiliknya dengan tauliah dan tandatangan serta dicap dengan Mohor Kerajaan dan dinyatakan di dalam *Warta Kerajaan* dan lima orang lelaki yang bukan ahli kerabat Diraja Negeri Kedah dan seorang daripadanya ialah Yang diPertua Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan tiada kurang daripada seorang yang lain iaitu seorang cukup faham di dalam undang-undang Islam yang akan diangkatkan oleh Raja Pemerintah menurut timbang tiliknya dengan tauliah dan ditandatangani Baginda serta dicap dengan Mohor Kerajaan dan dinyatakan di dalam *Warta Kerajaan*.⁴¹

Majlis Pertabalan Sultan/Bai‘ah

Mengikut Perkara 23 undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah, hendaklah Raja yang ditabalkan itu mengikut adat kebesaran Negeri Kedah.⁴² Hal ini menunjukkan bahawa Raja yang hendak dilantik itu perlu dilakukan mengikut pertabalan Raja. Menurut al-Mawardi dalam kitab Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayah Al-Diniyyah, apabila calon khalifah atau wakilnya yang mengikut ijтиhad jemaah pemilih atau ahl al-hal wa al-‘aqd memenuhi semua syarat pelantikan, maka pelantikan tersebut hendaklah dibentangkan kepadanya, sekiranya ia terima maka diberikan baiah kepadanya dan dengan bai’ah jemaah pemilih itu, maka terlantiklah ia sebagai Ulil Amri. Sekiranya ia menolak maka ia tidak boleh dipaksa. Ini kerana pelantikan itu sebagai akad kerelaan serta pilihan yang tidak tunduk pada paksaan ataupun tekanan.⁴³ Bai’ah atau perjanjian ini disebut oleh al-Qur’ān. Dalam al-Qur’ān Allah menyebut:

لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تُحْتَ الشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنْزَلَ السَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ
وَأَنَّابَهُمْ فَتَحَّا قَرِيبًا⁴⁴

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah telah redha terhadap orang mukmin ketika mereka berbai’ah kepadamu di bawah pohon. Maka Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati mereka lalu menurunkan ketenangan ke atas mereka dan memberi balasan kepada mereka dengan kemenangan yang dekat.⁴⁵

Ringkasnya, pelantikan seorang khalifah atau raja perlu melalui proses akad dan bai’ah. Mengikut sejarah umat Islam, acara terpenting dalam majlis penobatan khalifah atau Raja Islam yang baru ialah lafaz sumpah yang lazimnya dibuat dengan memegang serta mengucup kitab Suci Al-Qur’ān.⁴⁶ Lafaz sumpah pemerintah baru itu disaksikan oleh para pembesar serta alim

ulama' yang hadir pada majlis itu, dan dikira sebagai mengikat. Upacara tersebut bukan sahaja menjadi simbol pengiktirafan seseorang pemerintah umat Islam yang sah, malahan ia juga memberikan kesinambungan kepada corak pemerintah tradisi mereka.⁴⁷

Pemerintah wajib menjalankan tanggungjawab sebagai pemegang amanah warisan pemerintahan bangsa-bangsa umat Islam dari zaman Rasullullah SAW dan Khulafa' al-Rashidin. Sebagai ketua atau Ulil Amri, ia perlu bertanggungjawab mentadbir serta mengurus hal ehwal duniawi dan ukhrawi bagi rakyat jelata, sedangkan rakyat jelata pula wajib taat kepada pemerintah selagi tidak dipaksa mengerjakan maksiat.⁴⁸

Penobatan seseorang pemerintah Islam melalui institusi pemerintahan yang merangkumnya dilakukan sama ada oleh pemerintah yang terdahulu, ataupun oleh wakil daripada ah� al-hal wa al-'aqd, yakni satu jemaah pemilih yang memiliki ciri-ciri kelayakan khusus untuk memilih kepala negara. Jemaah pemilih ini dilantik dari kalangan para pembesar, kerabat diraja dan alim ulama.⁴⁹

Sebagai tanda 'penobatan' khalifah atau Raja, beberapa alat kebesaran Khalifah Islamiyyah atau alat kebesaran kesultanan yang lazimnya diwarisi secara turun-temurun akan dikeluarkan. Alat kebesaran Khalifah atau alat kebesaran diRaja bukanlah hakmilik seseorang pemerintah secara peribadi, ia adalah milik institusi yang merangkumnya.⁵⁰

Alat kebesaran dianggap sebagai simbol wakil bagi institusi tersebut, iaitu setelah pemerintah baru itu mengangkat sumpah untuk menjalankan amanah Allah sebagai Ulil Amri, 'penganugerahan alat kebesaran' adalah sebagai simbol penobatannya. Apabila pemerintah ini digantikan dengan yang baru, alat kebesaran tersebut akan diambil daripadanya dan diserahkan kepada pemerintah yang baru sebagai simbol kesinambungan warisan pemerintahan umat Islam yang berdaulat.⁵¹

Tradisi ini mungkin dipengaruhi oleh adat yang diwarisi daripada kerajaan Islam dahulu. Hamka, mencatatkan bahawa apabila Sultan Salim bin Biyazid Usmani menakluki Mesir dan Syam pada tahun 922 Hijrah, beliau telah menerima daripada Khalifah al-Mutawakkil tandatanda Khalifah yang telah dipusakai dari Rasullullah S.A.W dan khalifah-khalifah yang menggantikan baginda, yang dipandang sebagai 'alamat kebesaran Khalifah', dipegang secara turun-temurun semenjak zaman Bani Umayyah dan Bani Abbasiyyah di Baghdad, sampai ke Mesir, iaitu 'Burda' yang pernah dimiliki oleh Rasullullah SAW, sehelai panji hitam 'Al-Uqab' dan sebilah pedang Rasullullah SAW.⁵² Setelah majlis pertabalan atau aqad selesai, barulah dibuat upacara berbai'ah atau sumpah saat setia yang diberikan oleh para pembesar negara yang mewakili rakyat jelata.

Oleh hal yang demikian pertabalan yang dilakukan dalam mengangkat Raja iaitu yang terdapat dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah menunjukkan terdapatnya pengaruh Islam. Perkara ini menjadi salah satu yang penting dalam Pertabalan yang dilakukan adalah sebagai simbol pemerintahan yang sah.

Kriteria Pelantikan Pegawai Kerajaan

Dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah, pelantikan beberapa Pegawai Kerajaan Negeri telah ditetapkan beberapa syarat yang tertentu bagi mereka sebelum mereka menjawat jawatan tersebut. Antara syarat-syarat yang perlu pada seseorang Pegawai Kerajaan adalah seorang bangsa Melayu dan beragama Islam. Antara jawatan-jawatan yang disyaratkan padanya seorang bangsa Melayu dan beragama Islam adalah seperti berikut⁵³:

1. Pelantikan Menteri Besar

Fasal 35(2) memperuntukkan hal pelantikan menteri besar. Selagi mana tidak bercanggah dengan perkara 37, hendaklah Yang Maha Mulia sultan melantik menteri Besar, dengan surat perintah yang ditandatangani Baginda dan dicop dengan mohor kerajaan, seorang. Menteri Besar adalah menjadi ketua pegawai-pegawai pemerintah (*executive*) yang kanan sekali dalam negeri ini. Di dalam pelantikan tersebut, Menteri Besar yang hendak dilantik hendaklah syaratnya seorang Melayu dan beragama Islam. Tiada boleh diangkat mana-mana orang menjadi Menteri Besar melainkan ia itu daripada bangsa Melayu dan beragama Islam⁵⁴.

Pemerhatian terhadap tulisan al-Mawardi turut merekodkan:

Syarat-syarat yang harus ada dalam pelantikan wazir adalah serupa dengan syarat-syarat pelantikan ketua negara, kecuali syarat keturunan. Ini ialah kerana pandangannya berlaku serta ijтиhadnya terpakai. Justeru itu, ia mestilah mempunyai sifat-sifat para mujahidin. Selain dari itu, ia memerlukan kepada syarat tambahan dari syarat-syarat menjadi ketua Negara, iaitu mestilah dari kalangan yang berkemampuan untuk menjalankan soal-soal yang diserahkan kepadanya mengenai peperangan dan cukai dengan mempunyai pengalaman serta pengetahuan yang meluas mengenai kedua-duanya, kerana kadang-kadang ia sendiri akan mengendalikan urusan-urusan tersebut dan kadang-kadang diwakilkan untuk mengendalikannya.⁵⁵

2. Setiausaha Kerajaan

Menurut Perkara 36 Fasal 1 bagi melantik Setiausaha Kerajaan hendaklah Raja Pemerintah dengan cadangan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan dengan surat cara yang mempunyai tandatangan baginda daripada kalangan anggota mana-mana perkhidmatan awam yang sesuai. Akan tetapi syarat sebelum menurut cadangan Suruhanjaya Perkhidmatan itu maka hendaklah Raja Pemerintah menimbangkan nasihat Menteri Besar dan boleh dihantar semula cadangan tersebut kepada Suruhanjaya supaya boleh dipertimbangkannya semula. Setiausaha Kerajaan yang hendak dilantik adalah seorang bangsa Melayu dan beragama Islam, hendaklah menjadi ketua pegawai menjalankan pekerjaan hal pemerintahan di dalam Negeri ini.⁵⁶

Pemilihan Ahli Jemaah Menteri atau Pemangku Sultan

Fasal 18 (3a), Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah memperuntukkan tegahan diangkat pemangku Sultan atau Ahli Jemaah Pemangku Sultan melainkan iaitu seorang Melayu beragama Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menjadi rakyat Kedah. Peruntukan ini menunjukkan bahawa Islam dititikberatkan dalam memilih atau melantik Pemangku Sultan atau Ahli Jemaah Menteri.⁵⁷

Perkara yang serupa telah diungkapkan Imam al-Mawardi, apabila menyebutkan huraian *wazir tanfiz* (menteri pelaksana):

Berhubung dengan Wazir Tanfiz (menteri pelaksana), maka hukumnya adalah lebih ringan dan syaratnya lebih sedikit, kerana tugasnya terbatas kepada apa yang diputuskan oleh ketua negara serta pentadbirannya. Wazir ini merupakan perantara, di antara ketua negara dengan rakyat dan melaksanakan apa yang diputuskan serta menjalankan keputusan yang diambil, di samping menyampaikan pelantikan yang dibuat, menggerakkan tentera yang telah dilengkapkan, disamping memanjangkan kepada ketua negara perkara-perkara yang penting serta kejadian yang berlaku untuk menunggu arahan daripadanya.⁵⁸

Kedua penjelasan skop tugas antara Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah dan *al-Ahkam al-Sultaniyyah* menunjukkan bahawa skop antara ahli mesyuarat kerajaan adalah umpama

wazir tanfiz yang disebutkan al-Mawardi. Ciri utama yang menjelaskan ahli mesyuarat adalah kalangan mereka bertugas melaksana dan memberi bantuan pada raja dan pentadbiran dalam hal ehwal pentadbiran dan rakyat. Manakala dalam skop *wazir tanfiz* pula melaksanakan arahan ketua negara serta pentadbirannya. Sama ada ahli mesyuarat atau *wazir tanfiz* keduanya merupakan perantara antara raja/ketua negara dan menteri/pentadbiran dengan rakyat. Tetapi, skop tugas *wazir tanfiz* yang disebutkan al-Mawardi dikecilkkan menjadi dua perkara iaitu:

- a. Untuk menyampaikan (memanjangkan) pada ketua negara.
- b. Untuk membantu ketua negara dalam menjalankannya.⁵⁹

Sedangkan skop tugas ahli mesyuarat adalah lebih luas dari *wazir tanfiz*, apabila turut melibatkan pentadbiran dan undang-undang sehingga hampir menyamai tugas *wazir tafwid* yang disebutkan al-Mawardi sebagai: Apa yang dimaksudkan menteri penyerahan ialah bahawa ketua negara melantik seorang wazir dan menyerahkan kepadanya pentadbiran dalam segala urusan berpandukan pandangan serta ijтиhadnya. Maka melalui kedua huriahan al-Mawardi berkaitan *wazir tanfiz* dan *wazir tafwid* dapat dinyatakan bahawa kuasa dan bidang tugas ahli mesyuarat kerajaan menyamai *wazir tanfiz* dan turut menjalankan sebahagian tugas *wazir tafwid*. Bagaimanapun kuasa ahli mesyuarat terbatas serta tidak setara dengan *wazir tafwid*.

Kriteria Sultanah

Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah, fasal 26 (1) dalam bab isteri Raja. Kuasa boleh mengangkat Sultanah. Maka berkuasalah Raja itu menggelar isterinya menjadi Sultanah negeri Kedah, dengan syarat dia hendaklah seorang isteri Raja yang sah nikahnya pada agama Islam dan daripada bangsa Melayu yang berdarah baik atau Sharifah. Hal ini menunjukkan terdapat peruntukan Islam terdapat dalam kuasa mengangkat Sultanah. Keturunan yang tidak sah di sisi agama adalah dilarang untuk dipilih sebagai Sultanah.⁶⁰

Faktor Kehilangan Kedudukan/Pangkat

Mengikut Fasal 32 (1) dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah, seorang raja itu berkuasa dengan persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk menurunkan atau membuang pangkat martabat mana-mana yang telah dikurniakan kepadanya sebarang pangkat atau gelaran atau alamat kehormatan menurut syarat-syarat perkara 30 atau 31 jika dia cukup kesalahan atau dosanya yang mengharuskan demikian itu. Penurunan atau pembuangan pangkat ini dilakukan sekiranya terdapat kesalahan dan dosa yang dilakukan adalah berat mengikut Islam.⁶¹ Kesalahan dosa yang dimaksudkan di sini adalah kesalahan-kesalahan berat seperti membunuhan.

Apa yang menarik daripada peruntukan-peruntukan di atas, kesemua jawatan utama di dalam negeri adalah hak mutlak bangsa Melayu beragama Islam. Merujuk kepada fasal 11(2), pemilihan bakal raja juga melihatkan peranan dan kepentingan Hukum Syarak di dalam menentukan keesaan seseorang raja negeri Kedah. Begitu juga peranan raja sebagai Ketua Agama, keputusan baginda yang berhubung dengan agama Islam bukanlah sesuatu yang boleh dibuat secara bersendirian. Peruntukan 33 b memberi ruang dan peranan ahli majlis Agama untuk menolong dan menasihati Raja.

Dalam hal ini, ruang untuk memperluaskan peranan agama Islam dalam pentadbiran negeri adalah terbuka bergantung kepada budi bicara dan kepandaian serta diplomasi Ahli Majlis Agama Negeri menasihati Raja. Majlis Agama pula dibantu oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri yang bertindak sebagai agensi perlaksanaan dasar. Ia bertanggungjawab

menyediakan program, skim atau projek untuk pertimbangan Majlis Agama dan juga mentadbirkan, merancang dan menyelaras segala dasar yang berhubung dengan agama Islam.

PENUTUP

Kajian mendapati bahawa Islam mempunyai peranan dan pengaruh yang kuat dan tersendiri dalam kandungan Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah. Undang-undang ini mengandungi peruntukan-peruntukan khusus yang merujuk pada Islam. Malahan Islam diangkat sebagai agama bagi kerajaan negeri, sekaligus menjadi syarat utama pelantikan setiap jawatan utama dalam struktur kerajaan negeri. Di samping itu, kandungannya juga membuktikan Islam menjadi sumber dan keutamaan dalam penggubalan Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah. Citra Islam yang wujud dalam UTKK turut dipersembahkan seiras dengan teori sistem politik Islam yang diperkenalkan al-Mawardi melalui *al-Ahkam al-Sultaniyyah*.

-
- ¹ Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, 2008.
- ² Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, 2008, hlm. 11.
- ³ Mahayudin Yahaya, Sumbangan peradaban Arab-Islam terhadap kebudayaan Melayu melalui manuskrip Jawi, dlm. Kaseh Abu Bakar et al (pnyt.), *Peradaban Arab-Islam dan Masyarakat Melayu*, hlm. 1-33, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Bangi, 2009, hlm. 16.
- ⁴ Bukhari al-Jauhari, *Taj al-Salatin*, Yayasan Warisan Johor, Johor Bahru, 2001, hlm. 1.
- ⁵ Imam al-Mawardi, nama sebenar beliau ialah Abu al-Hasan Ali bin Muhammad. Dilahirkan di Basrah pada 972M/364H. Seorang tokoh ilmuwan beraliran Syafie dan telah berguru dengan sebilangan besar ulama tersohor pada zamannya. al-Mawardi, Abu al-Hasan Ali, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Ahmad Mubarak (pngr.), Maktabah Dar Ibn Qutaybah, Kuwayt, 1989, hlm. ٩، ٨، ٧، ٦، ٥، ٤، ٣، ٢، ١.
- ⁶ Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, mukaddimah, 2008, hlm. 11.
- ⁷ Persamaan ini menunjukkan ada kesinambungan antara dua teks iaitu UTKJ dan UTKK. Sama ada bersama secara intipati atau cedukan langsung antara satu sama lain. Satu kajian lanjutan perbandingan UTKJ dan UTKK difikirkan perlu untuk dilakukan. Bacaan lanjut tentang UTKJ lihat: Hanif Md Lateh @ Junid, Napisah Karimah Islam, Noorsafuan Che Noh, Abdul Qayyum Abdul Razak, Siti Noorasikin Tumiran & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, 2009, Pengaruh Arab-Islam dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. *Proceedings Malaysia Conference On Arabic Studies and Islamic Civilization*, hlm. 221-234; Hanif Md Lateh @ Junid & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Pengaruh Arab-Islam dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. Kolokium Siswazah Pengajian Islam 2010, *Prosiding Kolokium Siswazah Pengajian Islam UKM Peringkat Kebangsaan*, Anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM, hlm. 1-20 ; Hanif Md Lateh @ Junid & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, 2011, Hubungan Arab-Islam dan Tanah Melayu: Pemerhatian melalui Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1312H/1895M. *Prosiding simposium Sejarah dan Tamadun Islam (SISTI 2011)*, hlm. 239-258; Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Hanif Md Lateh @ Junid & Ezad Azraai Jamsari, Sumbangan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1312(1895) terhadap politik Johor, dlm. *Islam dan Ketamadunan Melayu*, Mohd Roslan Mohd Nor & Khadher Ahmad

- (pnyt.), Akademi Pengajian Islam (UM), Kuala Lumpur, 2014, hlm. 109-118; Hanif Md Lateh, Izziah Suryani Arshad @ Mat Resad & Ahmad Saiful Abdul Manaf, 2014, Peranan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1312(1895) terhadap sosio-politik kerajaan Johor, *al-Sirat*, Jun (14): 60-67.
- 8 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, 2008, hlm. 11.
- 9 Mahayudin Yahaya & Jelani Halimi, *Sejarah Islam*, Penerbit Fajar Bakti, Selangor, 1993, hlm. 25.
- 10 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, mukaddimah, 2008, hlm. 11.
- 11 Mahayuddin Yahya & Ahmad Jelani Halimi, 1993, hlm. 276.
- 12 Mahayuddin Yahya & Ahmad Jelani Halimi, 1993, hlm. 175.
- 13 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, mukaddimah, 2008, hlm. 12.
- 14 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, 2008, hlm. 19.
- 15 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, 2008, hlm. 22.
- 16 Khalid Ali Muhammad Al-Anbariy, 2008, *Sistem Politik Islam*, Telaga Biru Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hlm. 127.
- 17 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, 2008, fasal 11 (2).
- 18 Keseluruhan Ahl al-Sunnah berpendapat bahawa Rasulullah SAW tidak pernah menyatakan secara terang tentang siapakah di kalangan para pengikutnya yang dicadangkan sebagai penggantinya kelak. Marzuki Mahmood, *Isu-isu Kontroversi dalam Sejarah Pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 10.
- 19 Mahayudin Yahaya & Ahmad Jelani Halimi, 1993, hlm. 219.
- 20 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, 2008, fasal 11 (2).
- 21 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri kedah, 2008, fasal 12 (1) .
- 22 Abdul Hadi Awang, 2009, *Bagaimana Islam Memerintah Negara*, PTS Islamika Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 107-108; Khalid Ali Muhammad al-Anbariy, 2008, hlm. 132.
- 23 Khalid Ali Muhammad al-Anbariy, 2008, hlm. 132.
- 24 Al-Qur'an, Al Imran 3:28.
- 25 Semua Terjemahan ayat Al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan Tafsir pimpinan Al-Qur'an kepada pengertian al-Qur'an, edisi kelapan, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987.
- 26 Khalid Ali Muhammad al-Anbariy, 2008, hlm. 140.
- 27 Khalid Ali Muhammad al-Anbariy, 2008, hlm. 140.
- 28 Khalid Ali Muhammad al-Anbariy, 2008, hlm. 140.
- 29 Suzana Othman, 2008, *Menjejak Warisan Melayu Islam Beraja*, Media Satria Sdn Bhd, Kuala Lumpur hlm. 53.
- 30 Abd al-Qadir Audah, 1978, *Al Islam Wa Aw Dauna Al-Siyasiyah*, hlm. 119.
- 31 Abd al-Qadir Audah, 1978, hlm. 119.
- 32 Ibn Khaldun, al-Muqaddimah, hlm. 395.
- 33 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah fasal 33A.
- 34 Ibn Hisham, Abd al-Malik bin Hisyam, *al-Sirah al-Nabawiyah*, Jil. 1, Dar Ibn Rajab, t.tp., 2003, hlm. 323.
- 35 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, 2008, hlm. 30.
- 36 Khalid Ali Muhammad Al-Anbariy, 2008, hlm. 122.
- 37 Suzana Othman, 2008, hlm. 39.
- 38 Suzana Othman, 2008, hlm. 39-40.

- 39 al-Mawardi, Abu Hasan Ali bin Muhammad, 1993, hlm. 6-7.
- 40 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah fasal 10 (d), 2008, hlm. 18.
- 41 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah fasal 10 (d), 2008, hlm. 18.
- 42 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah fasal 10 (d), 2008, hlm. 18-19.
- 43 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah fasal 23 a (1), 2008, hlm. 25.
- 44 Suzana Othman, 2008, *Menjejak Warisan Melayu Islam Beraja*, hlm. 44.
- 45 al-Qur'an, Al-Fath 48:18.
- 46 Semua Terjemahan ayat Al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan Tafsir pimpinan Al-Qur'an kepada pengertian Al- Qur'an, edisi kelapan, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987.
- 47 Suzana Othman, 2008, hlm. 44.
- 48 Suzana Othman, 2008, hlm. 45.
- 49 Suzana Othman, 2008, hlm. 43.
- 50 Suzana Othman, 2008, hlm. 44.
- 51 Suzana Othman, 2008, hlm. 45.
- 52 Suzana Othman, 2008, hlm. 45.
- 53 Suzana Othman, 2008, hlm. 45; Hamka, Sejarah Umat Islam, Pustaka Nasional Pte Ltd, Singapura, hlm. 592.
- 54 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, fasal 35 (2), 2008, hlm. 30.
- 55 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, fasal 35 (2), 2008, hlm. 30.
- 56 al-Mawardi, Abu Hasan Ali, 1993, hlm. 35.
- 57 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, fasal 36 (1) (2) (a), 2008, hlm. 31.
- 58 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, fasal 18 (3) (a), 2008, hlm. 23.
- 59 al-Mawardi, Abu Hasan 'Ali, 1993, hlm. 41.
- 60 al-Mawardi, Abu Hasan 'Ali, hlm. 35.
- 61 Undang undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, fasal 26 (1). 2008, hlm, 29. Undang undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, fasal 32 (1). 2008, hlm, 29.

RUJUKAN

- Abdul Hadi Awang. 2009. *Bagaimana Islam memerintah negara*. Kuala Lumpur: PTS Islamika.
- Abd al-Qadir Awdah. 1978. *Al-Islam wa Aw da'una al-Siyasiyyah*. al-Qahirah: al-Mukhtar Al-Islami.
- al-Mawardi, Abu al-Hasan Ali. 1989. *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Ahmad Mubarak (pngr.).
Kuwayt: Maktabah dar Ibn Qutaybah.
- al-Mawardi, Abu Hasan 'Ali. 1993. *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa wilayah al-Diniyyah*. Terj. Uthman Khalid. Kuala Lumpur: Institut Pengajian Tradisional Islam (IPTI).
- Bukhari al-Jauhari. 2001. *Taj al-Salatin*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Hamka. T.th. *Sejarah umat Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Hanif Md Lateh @ Junid & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, 2011. Hubungan Arab-Islam dan Tanah Melayu: Pemerhatian melalui Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor

- 1312H/1895M. *Prosiding simposium sejarah dan tamadun Islam (SISTI 2011)*, hlm. 239-258.
- Hanif Md Lateh @ Junid & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. Pengaruh Arab-Islam dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. Kolokium Siswazah Pengajian Islam 2010. *Prosiding kolokium siswazah pengajian Islam UKM peringkat kebangsaan*, Anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM, hlm. 1-20.
- Hanif Md Lateh @ Junid, Izziah Suryani Arshad & Napisah Karimah Ismail. 2009. Undang-undang era pemerintahan kesultanan Johor (1511 sehingga abad ke-20): Kajian tentang pengaruh Arab-Islam. *Proceedings Malaysia conference on Arabic studies and Islamic civilization*, hlm. 235-244.
- Hanif Md Lateh @ Junid, Napisah Karimah Islam, Noorsafuan Che Noh, Abdul Qayyum Abdul Razak, Siti Noorasikin Tumiran & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. 2009. Pengaruh Arab-Islam dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. *Proceedings Malaysia conference on Arabic studies and Islamic civilization*, hlm. 221-234.
- Hanif Md Lateh, Izziah Suryani Arshad @ Mat Resad & Ahmad Saiful Abdul Manaf. 2014. Peranan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1312 (1895) terhadap sosio-politik kerajaan Johor. *al-Sirat*, Jun(14): 60-67.
- Ibn Khaldun. 1999. *al-Muqaddimah*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Hanif Md Lateh @ Junid & Ezad Azraai Jamsari. 2014. Sumbangan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1312(1895) terhadap politik Johor. Dlm. *Islam dan ketamadunan Melayu*, Mohd Roslan Mohd Nor & Khadher Ahmad (pnyt.). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam (UM).
- Khalid Ali Muhammad Al-Anbiry. 2008. *Sistem politik Islam*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Mahayuddin Yahya & Ahmad Jelani Halimi. 1993. *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Mahayudin Yahaya. 2009. Sumbangan peradaban Arab-Islam terhadap kebudayaan Melayu melalui manuskrip Jawi. Dlm. Kaseh Abu Bakar, Ermy Azziaty Rozali, Ezad Azraai Jamsari, Hakim Zainal, Izziah Suryani Arshad @ Mat Resad, Maheram Ahmad, Md. Nor Abdullah, Salmah Ahmad, Zamri Arifin & Zulkarnain Mohamed (pnyt.). *Peradaban Arab-Islam dan masyarakat Melayu*, hlm. 1-33. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam.
- Suzana Othman. 2008. *Menjejak warisan Melayu Islam beraja*. Kuala Lumpur: Media Satria Sdn. Bhd.
- Tafsir pimpinan al-Rahman*. 1987. Ed. Ke-8. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895. Arkib Negara Malaysia (ANM). 10 November 2009.
- Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah. 2008.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini ditaja oleh Gerakan Universiti Penyelidikan (GUP), Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk, Sumbangan Peradaban Arab-Islam terhadap Masyarakat Melayu di Malaysia (UKM-GUP-JKKBG-08-10-040; serta Kumpulan Kebudayaan Arab dan Peradaban Islam (KUKAPI, UKM: DPP-2014-068). Juga penghargaan untuk pihak sidang editor dan pewasit yang menerima makalah ini untuk diterbitkan.

Biodata Penulis:

Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad

Penulis merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hanif Md Lateh @ Junid

Penulis merupakan Felo Akademik (Penolong Pensyarah) di Pusat Pengajian Tamadun Arab dan Pendidikan Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. Beliau merupakan calon Doktor Falsafah dalam bidang Sejarah dan Tamadun Islam.

Hamizah Mohd Kadiron

Penulis merupakan graduan di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.